

12/03/1999

Peluang BN menang cerah: PM

Seri Intan Othman

KOTA KINABALU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, peluang Barisan Nasional (BN) untuk mencatat majoriti lebih besar, dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah kesembilan, adalah cerah.

"Kita mempunyai peluang untuk memperolehi lebih daripada majoriti tipis tetapi yang pasti, majoriti tipis akan bersama BN.

"Sesetengah orang mungkin membuat sesuatu di saat akhir, saya tidak tahu. Memang ada orang tertentu yang boleh mempengaruhi rakyat, kad pengenalan mungkin hilang, sesetengah orang melakukan perkara ini.

"Jika ini berlaku, kita mungkin tidak menang besar," katanya sebelum berlepas ke Kuala Lumpur petang ini.

Perdana Menteri tiba di sini petang semalam untuk membantu kempen saat akhir BN sebelum pengundian berperingkat selama dua hari bagi merebut 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, bermula esok.

Semalam beliau menghadiri Malam Muhibah Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Panampang di sini dan pagi ini, menghadiri majlis bersama rakyat di Kudat, utara Sabah.

Bagaimanapun, beliau terpaksa membatalkan kehadirannya di Majlis Bersama Rakyat di Ranau, kira-kira 150 kilometer dari sini kerana cuaca tidak mengizinkan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN percaya rakyat Sabah sudah menilai jasa yang ditaburkan oleh gabungan pelbagai itu selama ini.

Walaupun mengakui pilihan raya negeri kali ini adalah persaingan sengit, beliau bersyukur kerana kempen diadakan dalam suasana aman dan tidak berlaku rusuhan.

"Tidak ada konfrontasi berlaku antara parti yang bertanding dan juga tidak ada kecederaan," katanya.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam.

Perdana Menteri berharap rakyat Sabah tidak mudah dipengaruhi sentimen benci yang dilaungkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) dan sedikit sebanyak oleh Pas dan Bersekutu.

Beliau yakin semakin ramai penduduk Kadazandusun sekarang sedar dan menyokong BN walaupun parti itu dijangka menghadapi saingan sengit di kawasan majoriti suku kaum itu.

"Pada pendapat saya, undi kepada PBS daripada penduduk Kadazandusun akan berkurangan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pembangkang tidak mempunyai rancangan untuk rakyat Sabah kecuali menimbulkan perasaan benci kepada BN, Kerajaan Pusat dan beliau sendiri termasuk mendakwa kononnya beliau mendapat tanah di Keningau.

"Ini cara mereka kempen, tidak sama sekali menumpu kepada kebaikan rakyat Sabah, pembangunan negeri Sbaah, hanya menimbulkan kebencian. Dari kebencian itu mereka harap mendapat undi ... undi hanya untuk mereka.

"Oleh itu saya harap benar benar rakyat Sabah menilai BN dan banding dengan pembangkang. Kita berkhidmat, mahu tolong rakyat Sabah, nak bangunkan negeri Sabah. Tapi mereka cuma kata benci, benci, benci ... jangan suka pada orang ini ... semua jahat," katanya.

Beliau berkata, BN hanya mahu membangunkan Sabah untuk kebaikan rakyat negeri ini dan kerana itu, pilihan raya kali ini adalah pertarungan antara pembangunan dan sentimen kenegerian.

Dr Mahathir juga menjelaskan, beliau kelihatan bekerja keras dalam

kempen pilihan raya Sabah kali ini berbanding pada 1994 kerana mahu membantu timbalannya yang masih baru.

"Bukan memenatkan sangat ... dulu saya jarang ambil bahagian dalam kempen kerana saya serah semua pada timbalan yang saya harap akan ganti saya, jadi saya ansur-ansur undur diri.

"Walaupun banyak kerja yang dibuat oleh timbalan yang baru, saya cuba bantu dia dalam kempen ini. (Jadi) nampak macam saya banyak terlibat," katanya sambil menyatakan rasa kecewa kerana tidak dapat ke Ranau hari ini.

Mengenai tindakan bekas Naib Presiden PBS, Datuk Lawrence Gimbang yang meletakkan jawatan dan menyokong BN hari ini, beliau berkata banyak pemimpin BN pada asalnya daripada PBS.

"Mereka tinggalkan PBS kerana masa berada dalam PBS tidak boleh tolong rakyat Sabah, tidak boleh bangunkan Sabah ... dengan itu mereka kecewa serta tinggalkan PBS dan masuk BN. Gimbang juga bertindak atas sebab yang sama," katanya.

(END)